

# BULETIN KERJA RAYA



JILID 05/2013  
NOVEMBER 2013  
ISSN : 1985-4595  
[www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my)



**Institut  
Kanser Negara  
(IKN)  
Kini DiBuka  
Di Putrajaya**



INSTITUT  
KANSER NEGARA

# *Sidang Redaksi*

## Penaung

YBhg. Datuk Himmat Singh  
Ketua Setiausaha Kementerian  
Kerja Raya

## Penasihat

YABrs. Encik Sarani Bin Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)  
Kementerian Kerja Raya

## Ketua Pengarang

En. Devaraj Subramaniam

## Pengarang

En. Mohd Rizal bin Hashim  
En. Fauzi bin Baharudin  
Pn. Aisah binti Ghazali

## Fotografi

En. Rosdin bin Sabni  
jurufoto, Unit Komunikasi Korporat  
Unit Perpustakaan &  
Sumber Jabatan Kerja Raya

## Reka Bentuk/Pencetak

OMR Press sdn. Bhd.  
Tel: 03-8024 6396

## Urusetia

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

## Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kerja Raya,  
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-8000 8000  
Faks : 03-2711 1101  
E-mel : pro@kkr.gov.my  
[www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my)

# *Minda Pengarang*

## **MEMPERTEGUH KETAHANAN EKONOMI, MEMPERKASA TRANSFORMASI DAN MELAKSANA JANJI**

Pembentangan Bajet 2014 oleh YAB Perdana Menteri turut memberi tumpuan dan penekanan terhadap fokus serta komitmen Kerajaan untuk memperkuatkkan pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pelbagai projek pembinaan. Ini melibatkan pelaksanaan projek dan program infrastruktur awam, seperti jalan raya, lebuh raya dan lain-lain kemudahan awam yang dilaksanakan di bawah kuasa Kementerian Kerja Raya.

Dalam Bajet 2014 ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM46.5 bilion untuk tujuan Perbelanjaan Pembangunan negara secara keseluruhan. Daripada jumlah tersebut, Kementerian Kerja Raya bakal menerima peruntukan sebanyak RM3.58 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan, di mana 98% daripada peruntukan tersebut akan dibelanjakan untuk tujuan pelaksanaan program jalan raya dan jambatan di seluruh negara.

Manakala di bawah Peruntukan Mengurus pula, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM217.65 bilion secara keseluruhan di mana daripada jumlah tersebut, Kementerian Kerja Raya akan menerima Peruntukan Mengurus sebanyak RM2.6 bilion. Peruntukan Mengurus kementerian ini termasuklah RM1.34 bilion atau 50% yang akan dibelanjakan untuk tujuan program penyelenggaraan jalan, cerun, bangunan dan kuarters milik Jabatan Kerja Raya (JKR) di seluruh negara.

Sektor pembinaan di negara ini telah memberikan sumbangan yang besar dan amat signifikan dalam memacu ekonomi negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ini kerana industri pembinaan mempunyai faktor kesan pengganda dan rantaian yang luas di mana ia berperanan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor-sektor ekonomi yang lain.

Pada tahun 2014, industri pembinaan negara dijangka akan terus kukuh dengan penawaran unjuran sebanyak 9.6%. Untuk rekod, sektor pembinaan telah menyumbang sebanyak 3.5% kepada nilai keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2012; anggaran 3.7% pada tahun 2013, dan diunjurkan 3.9% pada tahun 2014. Prestasi baik ini didorong oleh kerancakan pelaksanaan pelbagai projek Kerajaan, khususnya projek-projek di bawah RMKe-10 dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) seperti projek My Rapid Transit (MRT), Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), projek Pelabuhan Kuantan dan pelaksanaan projek-projek lebuh raya baru, seperti Lebuh Raya Pantai Barat dari Taiping ke Banting.

Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi dibawahnya telah menyenaraikan banyak program pembangunan infrastuktur untuk kemudahan rakyat bagi tahun 2014. Warga Kementerian perlulah bekerjasama untuk merealisasikan segala program tersebut pada masa yang ditetapkan.

*- Pengarang -*



# INSTITUT KANSER NEGARA KINI DIBUKA



**PUTRAJAYA 18 September.** - Institut Kanser Negara (IKN) yang berperanan sebagai pusat rujukan berprestij untuk rawatan, latihan, penyelidikan dan pencegahan penyakit barah mula beroperasi di Putrajaya.

Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, pusat rawatan dengan kapasiti 252 katil itu telah disiapkan pada 16 Ogos lalu iaitu dua minggu lebih awal berbanding jadual asal.

Katanya, IKN yang menelan kos sebanyak RM693 juta itu mempunyai sembilan wad, unit rawatan rapi, empat dewan bedah, unit rawatan harian onkologi dan klinik pesakit luar yang merangkumi klinik onkologi, klinik perubatan nuklear dan klinik multi disiplin.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyerahan IKN daripada Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Seri Mohd. Noor Yaacob kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Kerja Raya, YB Datuk Fadillah Yusof; Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Timbalan Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya.

Projek IKN dilaksanakan secara reka dan bina oleh kontraktor Kiara Teratai Sdn. Bhd. di mana pembinaannya telah dimulakan pada 1 September 2010 bersebelahan dengan Hospital Putrajaya.

Dalam pada itu, YB Datuk Fadillah berkata, pembinaan IKN melibatkan bangunan utama pusat rawatan selain penyediaan komponen klinikal utama yang terdiri daripada perkhidmatan radioterapi dan onkologi, perubatan nuklear, penjagaan paliatif serta pembedahan onkologi.

“Bangunan IKN turut melibatkan sistem rawatan sisa nuklear di mana reka bentuk tersebut adalah termoden dan memenuhi piawaian antarabangsa bagi pengumpulan dan pembuangan sisa radioaktif yang lebih komprehensif,” katanya dalam kenyataan.



## SEKSYEN 3 LEBUHRAYA LEMBAH KLANG SELATAN (SKVE) TELAH DIBUKA

**PULAU INDAH, 1 Oktober** : Mulai 1 Oktober 2013 secara rasminya seksyen 3 Lebuhraya Klang Selatan (SKVE) dari Teluk Panglima Garang, menyusuri Pulau Carey dan merentasi Selat Lumut hingga ke Pulau Indah dibuka kepada lalu lintas.

Pelancaran Seksyen 3 Lebuhraya SKVE dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Datuk Haji Fadillah bin Haji Yusof, pada majlis yang berlangsung di Plaza Tol Pulau Indah.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR) Datuk Himmat Singh, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan SKVE, Tan Sri Rahmat bin Abu Bakar.

Dengan pelancaran dan pembukaan rasmi Seksyen 3 Lebuhraya SKVE, pengguna kini mampu menjimatkan masa perjalanan dan jarak perjalanan antara Putrajaya ke Pelabuhan Barat dari 1 jam 30 minit kepada 45 minit dengan menggunakan laluan sedia ada.

YB Datuk Haji Fadillah bin Haji Yusof, berkata projek pembinaan Seksyen 3 lebuhraya SKVE membabitkan laluan sepanjang 18.9 kilometer ini melengkapkan keseluruhan jajaran Lebuhraya SKVE yang menghubungkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya ke Pulau Indah dan kawasan perindustrian Pelabuhan Barat. Pembinaan Seksyen 3, Lebuhraya SKVE turut melibatkan pembinaan sebuah jambatan sepanjang 1.67km bagi menghubungkan Pulau Carey dengan Pulau Indah.

“ Jambatan ini dibina dengan rekabentuk ketinggian bersesuaian iaitu 25 meter yang mampu menampung laluan pelayaran serta pembangunan industri perkapalan dan maritim di sekitar kawasan ini,” katanya dalam ucapan perasmian pembukaan Seksyen 3, Lebuhraya SKVE di sini semalam.

Sementara itu, YB Datuk Haji Fadillah bin Haji Yusof berkata, orang ramai boleh menggunakan laluan ini secara percuma bermula 1 Oktober hingga 31 Oktober 2013 dari persimpangan Persimpangan Teluk Panglima Garang ke Persimpangan Pulau Indah.

Beliau juga mengingatkan orang ramai supaya mematuhi segala peraturan-peraturan jalan raya bagi menjamin keselamatan diri dan para pengguna yang lain.





# PERSIDANGAN ANTARABANGSA DAN PAMERAN ECOBUILD SOUTHEAST ASIA 2013

**KUALA LUMPUR, 17 September** - Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama agensi di bawahnya iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu International Sustainable Infrastructure and Built Environment 2013 bersempena dengan penganjuran pameran antarabangsa Ecobuild Southeast Asia 2013. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Datuk Fadillah Yusof di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Persidangan tersebut yang bertemakan "Driving Sustainability And Resiliency In Infrastructure And Urban Cities Development" akan memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur mampan, selain daripada membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kesan pembangunan ke atas alam sekitar di peringkat global.

Pameran Ecobuild Southeast Asia 2013 yang bermula dari 17 hingga 19 September 2013 ini pula adalah gabungan tiga pameran utama, iaitu Greenbuild Asia 2013, Solarasia Expo 2013 dan Ecolight Asia 2013. Ia bertujuan untuk mendedahkan dan menggalakkan penggiat industri menggunakan teknologi baru dan terkini serta mempromosikan Malaysia sebagai sebuah pusat pembinaan mampan di rantau ini.





## QSIC 2013 MENARIK MINAT 350 PESERTA

**SHAH ALAM, 7 Oktober** – Konvensyen Antarabangsa Juruukur Bahan (QSIC) 2013 menjadi medan pertemuan para juruukur bahan dalam dan luar negara, bakal berlangsung pada 7 dan 8 Oktober 2013. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh YB Datuk Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya hari ini bertempat di Hotel Grand Bluewave.

Menurut ucapan aluan oleh Yang Dipertua Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM), YBhg. Dato' Sri Abdull Manaf Hashim, QSIC 2013 telah berjaya menarik minat kira-kira 350 orang peserta yang terdiri daripada sektor swasta, sektor kerajaan, ahli akademik dan juga badan berkaitan kerajaan (GLC).

Konvensyen yang bertemakan “Surfing the Wave of Change” ini merupakan anjuran bersama LJBM, Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM), Persatuan Perunding Juruukur Bahan Melayu Malaysia (PPJBMM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan disokong oleh CIDB. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR), YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato' Seri Ir. Haji Mohd Noor Yaacob dan Pengerusi CIDB, YBhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan.



# BULANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA 2013



## PERHIMPUNAN BULANAN KKR

**KUALA LUMPUR, 13 September** – Selaras hasrat YAB Perdana Menteri Malaysia yang mahu setiap penjawat awam menjadi agen transformasi paling hadapan di antara rakyat dan kerajaan, warga Kementerian Kerja Raya (KKR) diingatkan supaya memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah berkualiti dan memenuhi ekspektasi pelanggan serta dirasai oleh seluruh lapisan masyarakat di negara ini. Selain itu, seluruh warga perlu mementingkan kepentasan bertindak dan membuat keputusan dengan bijak.

Menteri Kerja Raya, YB Datuk Fadillah Yusof berkata demikian sewaktu Perhimpunan Bulanan KKR bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian, warga KKR dan wakil daripada Jabatan dan Agensi.





## NEHEMIAH DESIGN COMPETITION 2013

KUALA LUMPUR, 10 Oktober – Bahagian Kejuruteraan Awam, Universiti Malaya (UM) bersama-sama Nehemiah Reinforced Soil Sdn. Bhd. telah menganjurkan Pertandingan Rekabentuk Nehemiah 2013. Pertandingan antara universiti ini merupakan edisi keempat yang bertujuan memilih pasukan yang berjaya membuaikan idea rekabentuk kejuruteraan terbaik berdasarkan topik yang diberikan.

Sebanyak sepuluh pasukan telah disenarai pendek untuk bertanding yang terdiri daripada pelajar universiti swasta dan awam. Pertandingan dihakimi oleh pakar kejuruteraan daripada Khidmat Pakar, Jabatan Kerja Raya (JKR), Bridge, Institute of Highway & Transport (CIHTMB), Master Builders Association Malaysia (MBAM) dan Institut Jurutera Malaysia.

Pemenang Pertama dan Kedua adalah dari pasukan Universiti Malaya manakala tempat ketiga pasukan dari Lincoln University College. Hadiah para pemenang telah disampaikan oleh YB Datuk Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya yang juga merupakan Alumni UM. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Dekan (Memangku) Fakulti Kejuruteraan, Assoc. Prof. Dr. Noor Azuan bin Abu Osman, Pengarah Urusan Nehemiah Reinforced Soil Sdn Bhd, Ir. Tan Cheng Chong dan para pensyarah fakulti.





## LAWATAN MENTERI KERJA RAYA KE NSTP

KUALA LUMPUR, 26 September- Menteri Kerja Raya YB Datuk Fadillah Yusof, telah mengadakan lawatan ke Balai Berita, The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) hari ini.

Kehadiran YB Menteri telah disambut oleh Pengurus NSTP Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Mohammad Azlan Abdullah dan Pengarang Urusan Kumpulan NSTP Datuk Abdul Jalil Hamid. Turut menyertai delegasi dari Kementerian Kerja Raya adalah Setiausaha Akbar, Puan Misiah Taib serta pegawai kanan Pejabat Menteri dan Unit Komunikasi Korporat.





## KONVENTSYEN KIK 2013 KKR

**KUALA LUMPUR, 8 Oktober** – Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Kementerian Kerja Raya (KKR) 2013 merupakan salah satu daripada aktiviti utama di bawah Program Peningkatan Kualiti dan Inovasi Tahunan KKR. ‘Melangkaui Sempadan, Merintis Keunggulan’ adalah merupakan tema KIK pada tahun ini. Majlis perasminya telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR) bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid.

Sebanyak lapan kumpulan yang bertanding untuk mempamerkan cetusan kreativiti dan inovasi di mana terdiri daripada tiga dari Kategori Teknikal dan lima dari Kategori Pengurusan. Persembahan KIK ini dinilai oleh Panel yang telah dilantik. Turut hadir sama ialah warga KKR, Jabatan dan Agensi yang terlibat.





# KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH BAHAGIAN ITS KOREA SELATAN

**KUALA LUMPUR, 9 September** - Encik Lee Yong Wook, Pengarah Bahagian Intelligent Transport System (ITS) dan Persekitaran Jalan, Kementerian Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan, Korea Selatan bersama delegasi seramai lapan orang pegawai telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin di pejabatnya.

Perjumpaan ini turut disertai oleh pegawai dari Bahagian Hubungan Antarabangsa dan Pembangunan Profesional (BAPP), Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Dato' Ir. Amir dari ITS Malaysia. Tujuan kunjungan delegasi ini adalah bagi mempromosikan teknologi ITS Korea kepada Kerajaan Malaysia.

Dimaklumkan pihak Korea Selatan turut melaksanakan sistem Multi Lane Free Flow (MLFF) dan berhasrat untuk berkongsi pengalaman dalam implementasi MLFF tersebut dengan menyertai kajian pelaksanaan MLFF di Malaysia yang sedang dijalankan. Delegasi turut menjemput YB Timb. Menteri Kerja Raya dan LLM untuk mengunjungi Korea Selatan untuk menilai sistem MLFF yang telah diimplementasi di sana.





## MAJLIS MoU KONSESI LEBUHRAYA DASH & SUKE

KUALA LUMPUR, 25 September – Majlis Menandatangani Perjanjian diantara Kerajaan dan syarikat konsesi, Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (Prolintas) bagi Lebuhraya Bertingkat Damansara – Shah Alam (DASH) dan Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKA) telah diadakan di Bilik Tanjung, Kompleks Kerja Raya.

Perjanjian konsesi ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Datuk Himmat Singh selaku wakil Kerajaan Malaysia dan YBhg. Datin Paduka Jam'iah Binti Abdul Hamid, Pengurus Prolintas. YBhg Dato' Ir. Hj. Ismail Bin Md. Salleh, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Ir. Zainudin Bin A. Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Prolintas hadir sebagai saksi. Majlis ini turut dihadiri pegawai – pegawai kanan KKR, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PROLINTAS.

Projek Lebuhraya Damansara - Shah Alam (DASH) akan melibatkan pembinaan jajaran lebuh raya sepanjang 47 km yang menghubungkan Puncak Perdana, Shah Alam sehingga ke Penchala Link, Damansara manakala Projek Lebuhraya Lebuhraya Sg. Besi – Ulu Kelang (SUKA) pula akan melibatkan pembinaan jajaran lebuh raya sepanjang 31.8 km yang menghubungkan Sri Petaling di Sungai Besi sehingga ke MRR2 di Ulu Kelang.



## MESYUARAT JK JPT KE-8 PROJEK JAMBATAN SUNGAI PANDARUAN

KUALA LUMPUR, 7 September – Delegasi dari Kementerian Kerja Raya dan Kerajaan Brunei Darussalam telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Joint Project Team (JPT) ke-8 bagi Projek pembinaan Jambatan Sungai Pandaruan di Kompleks Kerja Raya hari ini.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan membincangkan laporan kemajuan kerja pembinaan jambatan, status Jalan Tuju Malaysia dan Brunei Darussalam serta beberapa perkara berhubung kait dengan projek ini. Delegasi Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya iaitu YBhg. Datuk Himmat Singh manakala delegasi Brunei Darussalam pula diketuai Yang Mulia Abdul mutualib bin POKSS DP Haji Mohd Yusof, Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan. Pembinaan Jambatan Sungai Pandaruan ini hampir siap dan dijangka dibuka kepada pengguna pada bulan Disember tahun ini.



## HARI PSIKOLOGI KKR 2013

KUALA LUMPUR, 22 Oktober - Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Hari Psikologi KKR 2013 dengan bertemakan 'Kesihatan Minda Untuk Kesejahteraan Menyeluruh' yang bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid pada hari ini.

Antara objektif penganjurannya adalah memberi kesedaran dan pengetahuan kepada warga KKR dan Agensi mengenai pentingnya penjagaan Kesihatan Minda, serta menggalak warga membuat perancangan untuk kehidupan yang positif, aktif, sihat dan produktif.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Sarani bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KKR. Hari Psikologi adalah anjuran bersama AKRAB KKR dan JKR serta dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti ujian personaliti, pemeriksaan kesihatan, refleksologi dan aromaterapi.





## KSKKKR BERMESYUARAT AGUNG KALI KE 22

**KUALA LUMPUR, 20 September** - Bersesuaian dengan Peraturan 11, Perlembagaan Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Kerja Raya (KSKKKR), satu Mesyuarat Agung Kelab kali ke 22 telah diadakan hari ini bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid.

Antara agenda mesyuarat adalah Pengesahan Minit Mesyuarat Ke 21, Membentang dan Menerima Laporan Aktiviti 2012-2013, Membentang dan Menerima Laporan Kewangan dan Kira-Kira Berakhir 31 Disember 2012, Pembubaran AJK sesi 2011 – 2013 dan Pelantikan AJK bagi sesi 2013 – 2015. Mesyuarat diakhiri dengan Ucapan Presiden sesi 2013 – 2015 di hadapan ahli yang telah hadir menunaikan tanggungjawab sebagai Ahli Kelab.





## MAJLIS MERAIKAN BAKAL HAJI 2013 KKR



KUALA LUMPUR, 13 September - Bagi meraikan warga Kerja Raya yang bakal menunaikan ibadat fardhu haji pada tahun ini, satu majlis bacaan surah Yaasin dan tahlil telah diadakan di Surau Kompleks Kerja Raya hari ini.

Warga Kerja Raya yang dirai ialah YBrs. Encik Zainudin bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Encik Ahmad Asnawi bin Mohd Yusoff, Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Puan Aminah Binti Mohd Nasir, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Pemantauan Agensi dan Kemahiran. Turut hadir menyampaikan cenderahati kepada bakal haji ialah YBrs Encik Sarani bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi).

## MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL ADHA KKR 2013

KUALA LUMPUR, 17 Oktober - Surau Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan KKR dan Unit Hal Ehwal Islam telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Adha di kantin KKR. Turut menghadiri majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Datuk Himmat Singh.

Untuk tahun ini KKR telah menumbangkan tiga ekor lembu dan daging korban tersebut telah diagihkan kepada ibu tunggal di KKR dan juga anak-anak yatim. Agihan daging korban tersebut telah disampaikan oleh Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Penswastaan.



# KERATAN AKHBAR

**B1 16/1/13 M/S B2**

## Ecobuild platform terbaik tingkat kualiti pembinaan

Pameran dan persidangan Ecobuild Southeast Asia 2013 bermula hari ini dan berlangsung sehingga 22 Januari. Pameran dan persidangan Ecobuild Southeast Asia 2013 bermula hari ini dan berlangsung sehingga 22 Januari.

ripada Kementerian Kerja Raya serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

"Sektor platform mumpuni," katanya dalam satu temu bual di Kuala Lumpur.

Hadir sama Pengacara Pembangunan Perniagaan UBM ASEAN, Eliane Van Doorn.

CIDB menandatangani perjanjian dengan United Built.

**PIECE serlah cabaran urus lebuh raya**

"Syarikat pengendali sepatutnya perlu penerangan bagi mengelak nafas"

Presiden Persatuan Ahli Perlembagaan dan Penilaian Projek (PPAP) Ahmad Rosli Daud berkata penceraian antara ahli dan penilai bukanlah halangannya untuk projek berjalan lancar apabila ia dilaksanakan dalam masa yang ditentukan.

"Kita perlu berusaha agar projek berjalan lancar dan sesuai dengan kerja berasaskan teknologi dan teknologi maklumat."

Menurutnya, dalam sebahagian besar projek berjalan lancar, tetapi ada juga projek yang tidak berjalan lancar kerana faktor teknikal dan teknologi maklumat.

**Sektor binaan lebih selamat**

Dialog tingkat kesedaran tahap

**Projek RM110 bilion**

CIDB yakin industri pembinaan negara berkembang kuatuh 4.2%

CIDB joins City Hall for spot checks

RANAU - Kerajaan membantuan RM5 bilion untuk membangun 2,692 kilometer jalan raya baru berasaskan teknologi kereta api.

Cancer Institute to take in patients by year's end

Jawatankuasa inkui kemalangan bas ditubuh

KUALA LUMPUR - Satu jawatankuasa dibentuk Starharmacy Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk siaran perancangan bas di Genting, pada 21 Ogos lalu.

Jawatankuasa Inkui Kemalangan Bas ditubuhkan atas gesan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sopir mengakui kemalangan itu secara terperinci.

Pengurusan Bahagian Komunikasi SPAD, Khairul Mutzah berkata, fungsinya utama merupakan untuk bantu dan bantu kemalangan yang diketemukan di Persekutuan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PDRM) serta agensi lain.

Sekian itu, katanya, jawatankuasa ini akan menggunakan teknologi dan teknologi maklumat bagi mengelakkan yang sama berlaku.

Jawatankuasa tersebut akan dipergerakkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SPAD, Mohd Nur Iman Kamal dan disertai PDPM dan Miro.

Turut berada dalam jawatankuasa ini adalah Jabatan Kesehambutan Jalan Raya (JKR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Kerja Raya (KKR) dan juga agensi-agensi lain yang diketuai oleh SPAD ketama.

Khairul Mutzah berkata, SPAD akan memberi bantuan khas kepada modul keselamatan terhadap pengendalian baharu-baharu teknologi dan audit kerjasama akan dilakukan berdasarkan peranan SPAD ICOP: Keselamatan Jalan Raya 2013 yang berkuatkuasa pada 20 Ogos lalu.

**Jambatan kedua siap ikut jadual**

**Georgetown:** Jambatan kedua Pulau Pinang akan disiapkan mengikut jadual pada 8 November ini dan tarikh pembukaan rasmi ditentukan Kementerian Kerja Raya.

Timbalan Pejabat Komuniti dari Jabatan Kerja Raya, Engr. Farhanie Mohd Ali dan Engr. Azizul Azhar bersempena kunjungan kerja semalam menyatakan bahawa sudah sah 90 peratus dari kerja pembinaan masuk pulau Sebatu.

"Ianya bermula pada pembinaan jalan dan jambatan daripada JKR dan

**Kerjaya pembinaan jana pendapatan lumayan**

**B2 0. BISNES**

**Seksyen 3 SKVE dibuka**

SKVE Holding siapkan sekuriman

**Dialog bincang keselamatan tapak binaan**

Jawatankuasa bersama kerajaan lain sudah ditubuhkan bagi menentangkan

**Kaji guna RFID ganti SmartTAG**

RM5 bilion bina 2,692 kilometer jalan raya di luar bandar

Malaysia berjaya mencapai 4.2% pertumbuhan ekonomi pada 2012

**Sektor pembinaan bakal peroleh projek RM110 bilion**

RM160b for rail projects

Giving birth certs to risky slopes

ISBN 978-967-4595

9 771985 459008